



## Personal Data Protection Notice

of

### Luther Corporate Services Sdn Bhd

#### **I. Introduction**

1. In the course of the provision of our services and in order to operate effectively, Luther Corporate Services Sdn Bhd (“**Luther**”) needs to collect, use and disclose personal information about individuals, including but not limited to personal information of current, past and prospective employees as well as individuals related to or provided by our individual or corporate clients. Such individuals are referred to as “**data subjects**” in this notice.
2. The purpose of this notice is to detail our approach to protect Personal Data (defined below) and to ensure the consistent handling of Personal Data as well as compliance with the regulations of the Malaysian Personal Data Protection Act, 2010 (“**PDPA**”).

#### **II. Personal Data**

1. “**Personal Data**” is personal information of individuals that is collected, used and disclosed by Luther and includes information such as full name, NRIC / identification or passport number, personal contact number, residential address, personal email address, information about past and present income, personal bank account information, education background, work experience, date and place of birth, marital status, religion, health information and such other information as required for the Purposes indicated in this notice.
2. Personal Data may be provided to Luther by yourself, your employers, your agents, your representatives, your service providers, entities in which you are a partner, shareholder, beneficial owner or director and any other lawful sources available to Luther.
3. Personal Data that is requested are mandatory for Luther to provide data subjects for us to fulfil the Purposes, including to provide Luther’s services or for Luther to maintain an employment relationship with an employee. Luther will not be able to provide its services or maintain an employee relationship if such Personal Data is not provided. If Luther requests for Personal Data that is optional, this will be indicated in the relevant request document.

### **III. Purposes of collection, use and disclosure of Personal Data**

1. Luther may collect, use and disclose Personal Data for the following purposes (“**Purposes**”):
  - a. provision of our services, conduct of our business and any other incidental matters relating to our services and operations;
  - b. managing of Luther’s client relationships (including sending updates, information relating to our services and business, services offered by third parties, events invitation, newsletters or publications and marketing material);
  - c. obtaining feedback for participation of our events or our services;
  - d. regulatory or legal compliance;
  - e. internal record keeping;
  - f. managing or terminating employment relationships;
  - g. evaluating employees’ performances;
  - h. evaluating and processing employment applications; and
  - i. all other purposes necessary and/or incidental to our business or necessary for or related to any of the above purposes.
2. If Luther uses Personal Data for additional purposes, consent of data subjects will be obtained before such Personal Data is used for such new purpose, in accordance with the PDPA.
3. If our clients provide us with any Personal Data of third parties, including but not limited to, Personal Data of our clients’ employees, related individuals, agents, business partners and/or opponents, our clients will be asked to obtain all relevant consents according to the PDPA from such third parties in order for us to collect, use and disclose their Personal Data for the purposes as set out above.

### **IV. Disclosure and Transfer of Personal Data**

1. Personal Data may be disclosed by Luther to any of its existing or future related or associated companies or to any other third parties such as auditors, professional consultants or advisors (including law firms), accountants, agents, insurers, governmental bodies, agencies and authorities (including the Companies Commission

of Malaysia, Inland Revenue Board of Malaysia and Employees Provident Fund) or any other third party in order to satisfy the Purposes.

2. Personal Data may also be transferred outside Malaysia to Luther's related or associated companies and service providers to fulfil the Purposes and subject to requirements of the PDPA and only where necessary for the Purposes.

## **V. Security**

1. Luther adopts appropriate technical, organisational and administrative security measures to protect Personal Data against unauthorised access, collection, use, disclosure, copying, alteration, accidental loss or theft, destruction, damage or similar risks.
2. All employees of Luther are made aware of the importance of maintaining confidentiality of the Personal Data collected from the relevant data subjects. The access to Personal Data is only given to authorized personnel only.
3. Employees are instructed not to discuss any client or employment matters with any persons except for the Purposes and on a need-to-know basis.

## **VI. Retention**

Luther will not keep Personal Data longer than it is necessary for the Purposes. Luther will take all reasonable steps to ensure that all Personal Data is destroyed, permanently deleted or anonymised if it is no longer required for those Purposes.

## **VII. Accuracy**

Personal Data processed by Luther is usually provided either by the client or the data subject himself/herself and Luther is therefore not responsible for its accuracy in the first instance. However, if there is an issue about the inaccuracy of Personal Data processed by Luther, such issue may be referred to the Data Protection Officer referred to below.

## **VIII. Rights of Data Subject**

1. A data subject has the right to refuse or withdraw his/her consent to the collection, use and disclosure of his/her Personal Data. A data subject may do so by directly contacting the Data Protection Officer. In the event that a data subject has refused or withdrawn his/her consent, Luther will advise the data subject on the consequences of the refusal or withdrawal and will cease to process the said Personal Data.
2. If a data subject refuses or withdraws his/her consent to the processing of his/her Personal Data by Luther, Luther may not be able to:

- a. provide the services requested by the data subject or the client associated with the data subject;
  - b. respond or handle any of the data subject's queries and requests; or
  - c. send updates, information relating to Luther's services and business, services offered by third parties, events invitation, newsletters or publications and marketing material; and
  - d. if the data subject is an employee of Luther, comply with its obligations as an employer and maintain the employment relationship between Luther and the data subject.
3. The data subject has the right to access his/her Personal Information in Luther's custody. If the details are inaccurate, the data subject may request that such Personal Data be corrected. Any request for access may be subject to a minimal administration fee to meet the cost in providing the data subject with details of the Personal Data in Luther's custody. A data subject should make such request for access in writing to the Data Protection Officer at the contact details below.

**IX. Questions, requests or complaints**

Any questions, requests to exercise any data subject rights and complaints relating to personal data protection should be addressed to Luther's independent compliance team. The compliance team can be contacted as follows:

Designation: Legal counsel

Contact Number: +6012 328 5197

Email Address: [general@kkawlaw.com](mailto:general@kkawlaw.com)

**X. Amendment of Notice**

Luther reserves the right to change or amend this Personal Data Protection Notice from time to time at its sole discretion. All data subjects will be notified of any revised notice and such revised notice may be requested from the Data Protection Officer.

Effective date: 16 June 2023

Last reviewed: 15 June 2023



## Notis Perlindungan Data Peribadi

untuk

**Luther Corporate Services Sdn Bhd**

### I. Pendahuluan

1. Dalam proses memberi perkhidmatan kami dan untuk memastikan operasi kami berjalan dengan efektif, Luther Corporate Services Sdn Bhd ("**Luther**") perlu mengumpul, menggunakan atau mendedahkan data peribadi individu-individu, termasuk tetapi tidak terhad kepada maklumat peribadi pekerja-pekerja semasa, dahulu dan prospektif, dan maklumat peribadi individu yang berhubung dengan atau dibekalkan oleh pelanggan-pelanggan individu atau pelanggan korporat kami. Individu-individu ini dirujuk sebagai "**subjek data**" dalam notis ini.
2. Tujuan notis ini adalah untuk menjelaskan kaedah-kaedah kami untuk melindungi Data Peribadi (yang ditakrifkan bawah) dan memastikan pengurusan yang konsisten terhadap Data Peribadi dan pematuhan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 Malaysia ("**PDPA**").

### II. Data Peribadi

1. "**Data Peribadi**" adalah maklumat peribadi termasuk yang dikumpulkan, digunakan dan didedahkan oleh Luther dan termasuk pelbagai jenis maklumat seperti nama penuh, nombor kad pengenalan atau nombor passport, nombor kontak peribadi, alamat kediaman, alamat email peribadi, maklumat berhubung dengan pendapatan dahulu dan terkini, maklumat akaun bank peribadi, latar belakang pendidikan, pengalaman kerja, tarikh dan tempat lahir, status perkahwinan, agama, maklumat kesihatan dan maklumat-maklumat lain yang diperlukan untuk Tujuan-tujuan yang dinyatakan di dalam notis ini.
2. Data Peribadi tersebut mungkin dibekalkan oleh anda atau majikan anda, ejen anda, wakil anda, pembekal perkhidmatan anda, entity dimana anda adalah rakan kongsi, pemegang saham, pemilik berfaedah, pengarah atau daripada sumber lain yang sah di sisi undang-undang yang tersedia untuk Luther.
3. Data Peribadi yang di minta adalah wajib untuk membolehkan Luther memenuhi Tujuan-tujuan tersebut, termasuk untuk memberi perkhidmatan atau untuk Luther mengekalkan perhubungan pekerjaan dengan pekerja. Luther tidak akan dapat memberikan perkhidmatannya atau mengekalkan hubungan pekerjaan. Jika Luther

meminta Data Peribadi yang tidak wajib, ini akan dinyatakan di dalam dokumen permintaan yang relevan.

### **III. Tujuan-tujuan pengumpulan, penggunaan dan pendedahan Data Peribadi**

1. Luther mungkin akan mengumpul, menggunakan dan mendedahkan Data Peribadi untuk tujuan-tujuan berikut ("**Tujuan-tujuan**"):
  - a. membekalkan perkhidmatan kami, menjalankan perniagaan kami dan apa-apa perkara sampingan yang berhubungan dengan perkhidmatan dan operasi kami;
  - b. menguruskan perhubungan pelanggan-pelanggan Luther (termasuk maklumat dikemaskini, maklumat yang berkaitan dengan perkhidmatan dan perniagaan kami, perkhidmatan yang ditawarkan oleh pihak ketiga, jemputan acara-acara, buletin atau penerbitan dan bahan-bahan pemasaran);
  - c. memperolehi maklum balas bagi penyertaan acara-acara kami atau mengenai perkhidmatan kami;
  - d. mematuhi peraturan-peraturan atau undang-undang;
  - e. menyimpan rekod dalaman;
  - f. menguruskan atau menamatkan hubungan-hubungan pekerjaan;
  - g. menilai prestasi pekerja;
  - h. menilai dan memproses permohonan pekerjaan; dan
  - i. tujuan-tujuan lain yang diperlukan dan/atau bersampingan dengan perniagaan kami atau diperlukan untuk tujuan yang berkaitan dengan mana-mana tujuan-tujuan tersebut di atas.
2. Sekiranya Luther perlu menggunakan Data Peribadi untuk tujuan lain yang tidak dinyatakan di atas, persetujuan subjek data akan diperoleh sebelum Data Peribadi digunakan untuk tujuan baru tersebut, seperti yang diperuntukan dalam PDPA.
3. Sekiranya pelanggan-pelanggan kami membekalkan Data Peribadi kepada pihak ketiga, termasuk tetapi tidak terhad kepada Data Peribadi pekerja pelanggan kami, individu yang berkaitan, ejen, rakan perniagaan dan/atau pihak penentang, pelanggan kami akan diminta mendapatkan persetujuan yang berkaitan seperti yang diperuntukkan dalam PDPA supaya membolehkan Luther mengumpul, menggunakan dan mendedahkan Data Peribadi untuk tujuan yang dinyatakan di atas.

#### **IV. Pendedahan dan Pemindahan Data Peribadi**

1. Data peribadi mungkin akan didedahkan oleh Luther kepada syarikat-syarikat yang berkaitan atau bersekutu yang sedia ada atau yang akan datang, atau kepada pihak ketiga seperti juruaudit, perunding atau penasihat profesional (termasuk firma guaman), akauntan, ejen, syarikat insurans, badan-badan kerajaan dan pihak berkuasa (termasuk Suruhanjaya Syarikat Malaysia, Lembaga Hasil Dalam Negeri dan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja) atau mana-mana pihak ketiga yang lain untuk memuaskan Tujuan-Tujuan.
2. Data Peribadi juga mungkin akan dipindahkan ke luar Malaysia kepada syarikat-syarikat yang berkaitan atau bersekutu yang sedia ada atau yang akan datang dan pembekal-pembekal perkhidmatan untuk memenuhi Tujuan-tujuan tersebut dan tertakluk kepada syarat-syarat PDPA dan hanya jika perlu untuk Tujuan-tujuan tersebut.

#### **V. Sekuriti**

1. Luther melaksanakan langkah-langkah sekuriti yang teknikal, organisasi dan pentadbiran yang sesuai untuk melindungi Data Peribadi daripada akses, pengumpulan, penggunaan, pendedahan, penyalinan, pengubahan yang tidak dibenarkan, kehilangan atau kecurian, kemusnahan, kerosakan atau apa-apa risiko yang serupa.
2. Semua pekerja-perkerja Luther dimaklumkan kepentingan mengekalkan kerahsiaan Data Peribadi yang dikumpul daripada subjek data yang relevan. Akses kepada Data Peribadi hanya diberikan kepada pekerja-pekerja yang diberi kuasa sahaja.
3. Pekerja-pekerja diarahkan tidak membincangkan apa-apa perkara mengenai pelanggan-pelanggan atau pekerjaan dengan pihak-pihak ketiga melainkan untuk Tujuan-tujuan dan berdasarkan asas perlu-tahu sahaja.

#### **VI. Penyimpanan**

Luther tidak akan menyimpan Data Peribadi lebih lama daripada yang diperlukan untuk memenuhi Tujuan-tujuan tersebut. Luther akan mengambil segala langkah yang munasabah untuk memastikan bahawa semua Data Peribadi dimusnahkan, dipadamkan secara kekal atau memadamkan rujukan identiti subjek data jika Data Peribadi tersebut tidak lagi diperlukan untuk Tujuan-tujuan tersebut.

## **VII. Ketepatan**

Data Peribadi yang diterima oleh Luther biasanya dibekalkan oleh pelanggan atau subjek data sendiri, oleh itu, Luther tidak bertanggungjawab terhadap ketepatannya Data Peribadi tersebut pada mulanya. Walau bagaimanapun, sekiranya terdapat isu mengenai ketidaktepatan Data Peribadi yang diproses oleh Luther, isu tersebut boleh dirujuk kepada Pegawai Perlindungan Data yang dinyatakan di bawah.

## **VIII. Hak-hak Subjek Data**

1. Subjek data berhak untuk tidak bersetuju atau menarik balik persetujuannya untuk pengumpulan, penggunaan dan pendedahan Data Peribadinya. Subjek data boleh berbuat demikian dengan menghubungi Pegawai Perlindungan Data. Jika subjek data tidak bersetuju atau menarik balik persetujuannya, Luther akan menasihati subjek data akibat keengganan atau penarikan balik persetujuan tersebut dan akan berhenti memproses Data Peribadi tersebut.
2. Jika subjek data gagal untuk memberikan persetujuan atau menarik balik persetujuan untuk pemrosesan Data Peribadi oleh Luther, Luther mungkin tidak dapat:
  - a. memberi perkhidmatan yang diminta oleh subjek data atau pelanggan berkaitan dengan subjek data;
  - b. bertindak balas atau mengendalikan apa-apa pertanyaan dan permintaan subjek data;
  - c. menghantar pengemaskinian, maklumat yang berkaitan dengan perkhidmatan dan perniagaan Luther, perkhidmatan yang ditawarkan oleh pihak ketiga, jemputan acara-acara, buletin atau penerbitan dan bahan pemasaran; dan
  - d. jika subjek data adalah seorang pekerja Luther, mematuhi obligasinya sebagai majikan dan mengekalkan hubungan pekerjaan antara Luther dengan subjek data.
3. Subjek data berhak untuk mengakses Data Peribadinya yang dipegang oleh Luther. Sekiranya butir-butir tersebut adalah tidak tepat, subjek data boleh meminta bahawa Data Peribadi itu dibetulkan. Sebarang permintaan mengakses Data Peribadi mungkin dikenakan fi/bayaran nominal sebagai kos untuk menyediakan butir-butir Data Peribadi berhubung dengan subjek data yang dipegang oleh Luther. Subjek data boleh membuat permintaan tersebut secara bertulis kepada Pegawai Perlindungan Data yang dinyatakan di bawah.



**IX. Soalan, permintaan atau aduan**

Sebarang soalan, permintaan untuk melaksanakan hak-hak subjek data dan aduan hendaklah dikemukakan kepada pasukan pematuhan berdikari Luther. Pasukan pematuhan boleh dihubungi seperti berikut:

Jawatan: Penasihat undang-undang

Nombor Telefon: +6012 328 5197

Alamat E-mel: [general@kkawlaw.com](mailto:general@kkawlaw.com)

**X. Pemindaan Notis**

Luther berhak untuk menukar atau meminda Notis Perlindungan Data Peribadi ini dari semasa ke semasa mengikut budi bicara mutlaknyanya. Kesemua subjek data akan dimaklumkan jika notis ini dipinda dan notis yang dipinda boleh diperolehi daripada Pegawai Perlindungan Data.

Tarikh efektif: 16 June 2023

Tarikh terakhir dikemaskini: 15 June 2023

## PERSONAL DATA CONSENT FORM

I, \_\_\_\_\_

(NRIC / Passport Number \_\_\_\_\_), hereby expressly consent to the processing of my personal data furnished to Luther by me or a person or entity authorized by me, for the following Purposes as well as any other purposes connected to these Purposes:

- to consider my suitability for an employment position in Luther;
- to offer and maintain an employment relationship with me;
- to keep my personal information for payroll and human administration purposes;
- to evaluate my performance as an employee.

I further acknowledge that Luther has furnished to me a copy of Luther's Personal Data Protection Notice and I have read and understood such notice.

-----

Date: \_\_\_\_\_